



## Dunia perlukan kerjasama keselamatan siber - Fahmi

Jun 14, 2023 @ 7:37pm

LONDON: Wujud keperluan mendesak dari segi kolaboratif dan kerjasama antarabangsa untuk bertanggungjawab melindungi ekonomi digital di setiap negara, selain memastikan rakyat mampu hidup dalam ruang siber serba selamat.

Menekankan perkara itu, Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil, menegaskan aspek domain siber misalnya melangkaui batas sempadan geografi negara. sekali gus hanya menjadikan usaha kolaboratif antarabangsa dalam hampir semua kerangka keselamatan siber berperanan sebagai antara teras utama yang perlu dititikberatkan.

"Tiada satu entiti pun yang dapat bekerja secara silo (sendirian) dalam menangani ancaman siber.

"Keselamatan siber adalah tanggungjawab bersama dan perlu ada kolaboratif pintar dalam kalangan pihak terbabit bagi tujuan itu," katanya dalam ucap tama menutup Minggu Teknologi London (LTW) 2023 di sini, semalam.

Fahmi turut menekankan kepentingan peranan keselamatan siber sebagai pengupaya kemajuan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup dalam ekonomi digital, termasuk dalam kehidupan sehari-hari rakyat ketika ancaman siber terus menjadi semakin sofistikated dan maju.

Sehubungan itu, katanya, langkah seterusnya adalah memperkasa peranan pembangun atau pemaju dan perniagaan teknologi.

"Selaku pemaju dan perniagaan teknologi yang bertanggungjawab, mereka perlu mengguna pakai prinsip keselamatan dalam projek perniagaan transformasi digital.

"Ia bagi melindungi komuniti digital daripada pelaku ancaman (siber) pada tahap standard keselamatan siber sewajarnya dan mengekang mereka terbabit daripada meneruskan aktiviti mereka," katanya.

Beliau berkata, Malaysia kini dalam proses mengurangkan ancaman siber menerusi jalinan hubungan dua hala dan pelbagai hala, selain turut mengambil langkah untuk bergiat aktif di peringkat antarabangsa.

Malah, katanya, Malaysia sedang melaksanakan inisiatif bagi menangani isu itu seperti penubuhan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan aktif menjadi tuan rumah Ekspo dan Persidangan Pertahanan dan Keselamatan Siber Asia pada Ogos 2023.

Laporan Indeks Keselamatan Siber Global (GCI) 2020 meletakkan Malaysia di tempat kelima dengan skor keseluruhan pada 98.06.

Rancangan strategik lain adalah Strategi Keselamatan Siber Malaysia (MCSS), MyDigital, Program Pemeriksaan Keselamatan Siber (SiberKASA) dan pelbagai kerjasama di peringkat antarabangsa.

Turut diketengahkan adalah inisiatif Program Kolaboratif CyberSecurity Malaysia (CCP) yang menyediakan akses kepada CyberSecurity Malaysia, entiti berkaitan kerajaan serta pihak lain.

Fahmi berkata, Malaysia berhasrat menikmati transformasi sebagai negara berpendapatan tinggi yang dipacu secara digital dan menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital.

"Saya menjangkakan dalam masa akan datang ini, satu ekosistem ruang siber yang selamat dan berdaya tahan akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Beliau mengetuai delegasi Malaysia ke LTW yang turut disokong oleh pihak Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Acara yang berlangsung di Queen Elizabeth II Centre, dirasmikan oleh Perdana Menteri Britain, Rishi Sunak dan Datuk Bandar London, Sadiq Khan, Isnin lalu.

Lebih 30,000 pengunjung dan penggiat industri digital, termasuk syarikat pemula dan pelabur dijangka hadir pada LTW yang berlangsung sehingga 16 Jun ini. – BERNAMA